



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

**FATWA MENGENAI PERMOHONAN MENYERAH BALIK SEBAHAGIAN TANAH
YANG TELAH DIHIBAH KEPADA MASJID KARIAH PERMATANG BULOH, ALOR SETAR**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meneliti permohonan Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) mengenai hasrat En. Yakkop bin Mohd. Tohir untuk **mendapatkan semula tanah yang telah dijual kepada Masjid Kariah Permatang Buloh, Alor Setar, Kedah.**

1. Berdasarkan keterangan pemohon maka Jawatankuasa Fatwa mendapati;
 - i. 1/3 bahagian tanah di atas geran GM 4029 Lot 4598, Mukim Sala Besar Daerah Yan telah dibeli oleh Jawatankuasa Masjid Kariah Permatang Buloh untuk dijadikan tapak perkuburan dan telah didaftar atas nama MAIK.
 - ii. Nilai jualan yang dipersetujui adalah berjumlah RM50,000.00 untuk bahagian Plot 1 sehingga mini tar dan kedua-dua pihak sedia maklum akan perkara tersebut.
 - iii. Bagaimanapun, apabila kerja ukur tanah selesai bagi tujuan pemilikan dalam geran kepada MAIK, maka didapati **sebenarnya keluasan tanah yang dijual termasuk Plot 2 iaitu sehingga ke halaman rumah pemilik asal.**
 - iv. Oleh itu, pemilik asal (En. Yakkop bin Mohd. Tohir) ingin mendapatkan semula hak pemilikan tanah tersebut yang termasuk dalam geran (Plot 2) tersebut.

2. Dalam isu ini, Jawatankuasa Fatwa berpandangan bahawa **MAIK hendaklah menyerahkan kembali bahagian Plot 2 yang dituntut oleh pemilik asal tanpa dikenakan sebarang bayaran.**
3. Hal ini kerana transaksi jual beli tanah (ijab dan qabul) yang dipersetujui antara pembeli dengan penjual dengan harga RM 50,000.00 hanya melibatkan bahagian Plot 1 sehingga mini tar sahaja dan tidak termasuk halaman rumah pemilik asal tersebut.
4. Pandangan ini adalah untuk menjamin hak penjual dan pembeli dari aspek hukum Syarak dipenuhi serta MAIK sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf.
5. Sementara itu, dari aspek mempercepatkan proses pindah milik dalam geran, Jawatankuasa Fatwa menasihatkan supaya **pihak MAIK hendaklah menggunakan aplikasi wakalah daripada pihak penjual kepada MAIK, bukan dalam bentuk instrumen hibah.**

TARIKH KEPUTUSAN : 13 DISEMBER 2020